

## MELAKA/NEGERI SEMBILAN

### PCB.299021: LUBANG BESAR DI JALAN BESAR

14 Disember 2022 – Aduan diterima tentang isu permukaan jalan tar yang berlubang dan berisiko di Jalan Tun Fatimah, 75400 Peringgit, Melaka membahayakan pengguna jalan raya terutamanya penunggang motosikal.

#### Tindakan Penyelesaian

Aduan telah disalurkan kepada Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) untuk tindakan penyelenggaraan dan selesai sepenuhnya pada 18 Februari 2023 (71 hari). Hasil daripada tindakan penyelesaian aduan, keselamatan pengguna jalan raya lebih terjamin.

